

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Pengesahan Dalam Perkhidmatan (Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (*Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan*) 2005, PP 4/2002, Minit Mesyuarat MPE 25/2002 dan 13/2008 dan Surat Arahan Jabatan Pengajian Tinggi KPTM)

Syarat-Syarat Umum

- (i) Tempoh 1 - 3 tahun
- (ii) Hadir dan lulus dengan jayanya kursus Induksi Umum dan Khusus (boleh memohon pengecualian Induksi Umum jika telah hadir di agensi terdahulu dan diberi pelepasan dengan izin)
- (iii) Diperakui oleh Ketua Jabatannya

Syarat-Syarat Tambahan

- (i) Mendapat markah Penilaian Prestasi Tahunan 75% dan ke atas;
 - (ii) Kursus Bitara
 - (iii) Kursus Bahasa Inggeris atau *Placement Test* (kakitangan akademik perlu menduduki *Placement Test*. Jika gagal/tidak hadir perlu menghadiri Kursus Bahasa Inggeris)
 - (iv) Kursus Pengajaran dan Pembelajaran bagi lantikan selepas Jun 2005 (DS45 dan DS51 sahaja)
 - (v) Telah menyiapkan sekurang-kurangnya satu penyelidikan atau penerbitan sepanjang bertugas di UPSI mengikut bidang kepakaran (kakitangan akademik)
 - (vi) Telah mendaftar untuk pengajian di peringkat PhD dalam bidang yang berkaitan (Bagi Pensyarah Universiti DS45)
2. Pegawai yang masih belum disahkan dalam jawatan selepas 3 tahun tempoh percubaan, akan diberikan pelanjutan tempoh percubaan

samada dengan denda atau tanpa denda. Bagi pelanjutan tempoh percubaan dengan denda, pegawai akan:

- i) hilang kekananannya bagi suatu tempoh yang sama dengan tempoh pelanjutan itu;
- ii) tidak layak mendapat apa-apa pergerakan gaji tahunan semasa tempoh pelanjutan percubaan dengan denda; dan
- iii) tarikh pergerakan gaji akan berubah mengikut tarikh pengesahannya berkuat kuasa.